

UMS mahu lahirkan graduan bidang pelancongan dan perhotelan berwibawa

NST 3.10.2018 2

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil langkah ke arah menghasilkan graduan yang berwibawa terutamanya dalam bidang pelancongan dan perhotelan dengan bekerjasama dengan pemain industri.

Naib Canselor Prof Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata ia merupakan satu lagi usaha proaktif yang melibatkan kerjasama antara universiti dan industri.

"Kita mahu mencapai akses yang lebih besar melalui kerjasama, perkongsian dan penglibatan komuniti serta meningkatkan kecemerlangan para pelajar dan bakal graduan

UMS khasnya dalam penyelidikan dan penerbitan.


"Ini adalah salah satu cara penjenamaan semula UMS dan saya percaya UMS sebagai sebuah institusi yang berprinsip di Sabah mesti memainkan peranan penting untuk memimpin dan menjadi sebahagian daripada pasukan untuk mengukuhkan pembangunan pelancongan," katanya.

Ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Alumni dan Hal Ehwal Pelajar), Prof. Dr. Ismail Ali pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UMS, Almacrest International College, Persatuan Pelancongan Kadamaian dan Persatuan Pelancongan Ki-

ulu di sini kelmarin.

Ismail mewakili UMS manakala Almacrest diwakili oleh Ketua pegawai eksekutif Stephanie Bathumai manakala pengurus Walter Kandayan mewakili Persatuan Pelancongan Kadamaian dan pengurus Edmon Guntis pula mewakili Persatuan Pelancongan Kiulu.

MoU yang dipersejui bagi tempoh dua tahun itu meliputi kerjasama dalam siri modul latihan yang berkaitan, potensi penyelidikan dan penerbitan serta pembangunan belia dan latihan untuk pengusaha pelancongan di Kiulu dan Kota Belud (Kampung Melangkap Tiong, Kampung Kiau & Kiulu).



KENANGAN ... Edmon (tiga dari kanan) bersama Ismail, Assaffal, Stephanie dan Walter.